## 3. KAJIAN PASARAN PENAWARAN PROGRAM DOKTOR FALSAFAH INDUSTRI DAN SARJANA EKSEKUTIF DALAM LATIHAN KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN

Kajian pasaran penawaran program Doktor Falsafah Industri dan Sarjana Eksekutif dalam Latihan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan telah dilaksanakan pada bulan Disember 2021. Kajian pasaran ini dijalankan bagi mendapatkan maklum balas daripada pihak berkepentingan iCEPS, UiTM berhubung kualiti dan keberkesanan program baharu, program Doktor Falsafah Industri dan Sarjana Eksekutif dalam Latihan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan yang akan dijalankan di iCEPS, UiTM. Kedua-dua kajian pasaran tersebut telah mendapat respon yang menggalakkan daripada 498 responden untuk Doktor Falsafah Industri dan 514 responden untuk Sarjana Eksekutif dalam Latihan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan.




